



## SIARAN MEDIA

### MPS TAWAR KEMPEN PENGURANGAN HARGA KOMPAUN SEHINGGA 80%

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menawarkan pengurangan kadar kompaun sehingga 80% mengikut jenis kesalahan yang dikenakan sempena Kempen Pengurangan Harga Kompaun Kesalahan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil MPS Siri 1/2023. Tempoh bagi penawaran ini bermula pada 1 Julai sehingga 31 Ogos 2023.

Untuk makluman, sehingga Jun 2023 sebanyak 6,830 keping kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah RM 6,214,700.00. Pada tahun 2022 pula, MPS telah berjaya mengutip sebanyak 7,354 keping kompaun bersamaan dengan RM 2,278,835.00.

Tawaran pengurangan ini diberikan kepada orang ramai dan memberi peluang untuk menyelesaikan tunggakan. Pemilik kompaun adalah dikehendaki berurus di Kaunter Rayuan Jabatan Perundungan, Tingkat 4, Menara MPS bagi tujuan semakan dan rayuan tersebut. MPS ingin mengingatkan kepada pemilik kompaun bahawa kompaun yang berstatus saman adalah tidak layak untuk tawaran ini. Selain itu, sekiranya kompaun tersebut gagal dibayar setelah rayuan dilakukan dalam tempoh kempen diadakan, pihak MPS berhak untuk membatalkan rayuan tersebut tanpa sebarang notis.

MPS berharap orang ramai dapat membuat pembayaran dengan kadar segera dan semoga inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu dan menggalakkan orang ramai untuk menyelesaikan pembayaran kompaun yang tertunggak.

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

**b.p. Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**10 Julai 2023**